

Headline	Pengguna perlu bijak menggunakan elektrik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Page No	26
ArticleSize	148 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,049		



## Pengguna perlu bijak menggunakan elektrik

BARU-BARU ini kerajaan telah mengumumkan kenaikan tarif baharu elektrik yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen kilowatt per jam (kWj) atau peningkatan sebanyak 14.89 peratus manakala Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kadar purata tarif elektrik dinaikkan sebanyak 5 sen/kWj (peningkatan sebanyak 16.9 peratus) daripada kadar semasa.

Kenaikan ini ternyata mengundang perasaan resah kepada seluruh rakyat Malaysia kerana tenaga elektrik kini boleh dikategorikan sebagai satu keperluan penting.

Kini, semua aktiviti yang dilakukan memerlukan tenaga elektrik terutamanya yang melibatkan aktiviti seharian kita seperti mencuci pakaian dan memasak.

Kenaikan tarif elektrik secara tidak langsung menyebabkan sesetengah pihak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan sebagai tidak balas terhadap kenaikan tarif ini.

Kenaikan harga barangan ini akan mengurangkan kuasa beli masyarakat dan seterusnya mengurangkan kerancakan ekonomi negara.

Kenaikan ini pastinya tidak dapat dielak, maka kita sebagai pengguna perlulah memberi respons dengan mengambil langkah-langkah berjimat-cermat dalam kehidupan seharian.

Antara langkah penjimatan yang boleh diambil untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik adalah dengan menggunakan barangan elektrik yang mempunyai label jimat tenaga seperti

lampu, pendingin hawa dan peti sejuk.

Pembelian barangan jimat elektrik sememangnya memerlukan sedikit pelaburan, namun ia berbaloi kerana mampu mengurangkan kadar penggunaan tenaga elektrik dalam jangka waktu panjang.

Pendidikan dari segi penggunaan barangan elektrik perlu diberikan bagi mengatasi masalah kenaikan tarif elektrik, seperti menutup semua lampu yang tidak diperlukan ketika tidur, set waktu kepada televisyen dan radio anda serta mengurangkan penggunaan seterika secara berulang.

Selain itu, elakkan atau hadkan penggunaan pendingin hawa terutama ketika musim hujan.

Perkara ini mungkin dianggap tidak akan memberi kesan yang drastik terhadap penggunaan tenaga, namun setelah dihitung, ia sebenarnya sangat berkesan sekiranya kita mempraktikkan langkah-langkah yang telah dinyatakan di atas.

Kita juga boleh mencuba alternatif lain seperti penggunaan teknologi hijau antaranya, tenaga solar yang sangat sesuai dengan iklim di negara kita yang menerima cahaya matahari sekitar 12 jam sehari.

Bagaimanapun, ketika kita mengambil langkah-langkah berjimat-cermat, bantuan kerajaan dalam meringankan beban rakyat juga amat dialu-alukan.

Justeru, suntikan daripada kerajaan terhadap golongan bawahan seperti pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) sedikit sebanyak mampu mengurangkan beban terhadap golongan ini kerana mereka pastinya merupakan golongan yang paling teruk terjejas.